



22 November 2012  
22 November 2012  
P.U. (A) 401

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PERLEMBAGAAN UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA) (PINDAAN) 2012

### *UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES (CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA) (AMENDMENT) 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERINTAH UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI  
(PERLEMBAGAAN UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA) (PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 8(3) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Universiti dan Kolej Universiti (Perlembagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia) (Pindaan) 2012.**

**Pindaan seksyen 4**

2. Perlembagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, yang disebut "Perlembagaan" dalam Perintah ini, dipinda dalam seksyen 4 dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(3) Bagi mengelakkan keraguan, kuasa di bawah subseksyen (1) boleh dijalankan oleh Lembaga, kecuali kuasa di bawah perenggan (1)(a), (b), (c), (d), (e), (g), (k) dan (o) yang hendaklah dijalankan oleh Senat."

**Pindaan seksyen 14**

3. Seksyen 14 Perlembagaan dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

"(4) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, syarat pelantikan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang hendaklah ditentukan oleh Lembaga."; dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

"(5) Seseorang yang dilantik sebagai Pendaftar, Bursar dan Penasihat Undang-Undang hendaklah, melainkan jika dia meletakkan

jawatan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan apabila tempoh itu habis, Pendaftar, Bursar dan Penasihat Undang-Undang itu adalah layak untuk dilantik semula.

(6) Seseorang yang dilantik sebagai Ketua Pustakawan hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga.

(7) Pelantikan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Lembaga dengan menyatakan sebab bagi pembatalan itu.”.

### **Pindaan seksyen 16**

4. Seksyen 16 Perlembagaan dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Pihak Berkuasa Universiti ialah Lembaga, Senat, Jawatankuasa Pengurusan Universiti atau dengan apa-apa jua nama ia disebut, Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, Institut, Jawatankuasa Pengajian, Jawatankuasa Pemilih, Jawatankuasa Kebajikan Pelajar, Jawatankuasa Aduan Pelajar dan badan yang lain sebagaimana yang ditetapkan oleh statut sebagai Pihak Berkuasa Universiti.”.

### **Pindaan seksyen 22**

5. Seksyen 22 Perlembagaan dipinda dengan menggantikan subseksyen (8) dengan subseksyen yang berikut:

“(8) Senat hendaklah mempertimbangkan apa-apa perkara yang dihantar kepadanya oleh Lembaga di bawah subseksyen 20(2).”.

**Pemotongan seksyen 27**

6. Perlembagaan dipinda dengan memotong seksyen 27.

**Seksyen baru 28A**

7. Perlembagaan dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 28 seksyen yang berikut:

**“Jawatankuasa Aduan Pelajar**

28A. (1) Jawatankuasa Aduan Pelajar ditubuhkan yang hendaklah terdiri daripada—

- (a) Naib Canselor yang hendaklah menjadi pengerusi;
- (b) dua orang ahli yang dipilih oleh Majlis Perwakilan Pelajar-Pelajar;
- (c) dua orang ahli yang dipilih oleh Persatuan Siswazah atau Alumni Universiti; dan
- (d) dua orang pegawai lain Universiti yang dilantik oleh Lembaga selepas mengambil kira dengan sewajarnya kepentingan untuk menjamin suatu Jawatankuasa Aduan Pelajar yang mendapat keyakinan pelajar.

(2) Jawatankuasa Aduan Pelajar hendaklah mempunyai apa-apa kuasa dalam menjalankan siasatan atau inkuiiri ke atas apa-apa aduan yang dibuat oleh pelajar mengikut cara yang ditetapkan oleh statut.”.